

609:

MAHATHIR-KEMPEN

1976

KULIM, 10 JUN (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI MENEGASKAN, PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEKARANG BUKANLAH TAMAKKAN KUASA DAN KERANA ITULAH PILIHANRAYA DIADAKAN.

KATANYA, KERAJAAN MEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT MEMILIH CALUN UNTUK MEWAKILI MEREKA DAN KEPUTUSAN INI HANYA BOLIH DIBUAT OLIH RAKYAT SAJA.

DR. MAHATHIR BERUCAP DALAM KEMPEN BARISAN NASIONAL MEMBANTU CALUN PARTI ITU, ENCIK LIM WAN MING YANG AKAN BERTANDING DALAM PILIHANRAYA KECIL LUNAS, DI PADANG SERAI, 12 BATU DARI SINI. INILAH KEMPEN TERAKHIR BARISAN NASIONAL SEBELUM PILIHANRAYA ITU PADA SABTU INI.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU RAKYAT JANGAN TERLALU MENGIKUT PERASAAN TIDAK PUASHATI HINGGA APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN TIDAK BETUL.

+KERANA DALAM KERAJAAN DI MANA-MANAPUN DI DUNIA INI TIDAK AKAN TERLEPAS DARI KESILAPAN YANG DILAKUKAN, HAKIKAT INI RAKYAT HENDAKLAH MEMAHAMINYA, + KATANYA.

MENURUT BELIAU, RAKYAT DI NEGARA INI ADALAH LEBIH BERNASIB BAIK DARI RAKYAT DI NEGARA-NEGARA LAIN KERANA KERAJAAN MASIH BERPEGANG TEGUH KEPADA DASAR-DASAR DEMOKRASI. -- BERSAMBUNG 2255/1B

610:

BARISAN NASIONAL 2 KULIM

MENTERI, KESIHATAN, TAN SRI LEE SIOK YEW YANGTURUT BERUCAP BERKATA, KERAJAAN TELAH MERANCANG /KAN MEMBERI PERUNTUKAN SEBANYAK \$24 JUTA BAGI PROJEK-PROJEK KEMENTERIAN TERSEBUT DI NEGERI KEDAH DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

ANTARA PROJEK-PROJEKNYANG AKAN DILAKSANAKAN IALAH PEMBINAAN HOSPITAL-HOSPITAL, PUSAT-PUSAT KESIHATAN DAN KELINIK-KELINIK DESA DI BEBERAPA KAWASAN DI NEGERI ITU.